

SYED ABDUL RAHMAN, Dato' Kelana (? - 1889), Undang Sungai Ujong, Negeri Sembilan. Dia menggantikan bapa saudaranya, Dato' Kelana Sendeng, yang meninggal dunia pada tahun 1872. Ketika menjadi Dato' Kelana, Syed Abdul Rahman mendapat cabaran daripada Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal tentang pungutan cukai di Kuala Linggi. Pada 21 April 1874, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menandatangani perjanjian dengan pihak British. Dengan termeterainya perjanjian ini, dia bersetuju berlindung di bawah kerajaan British. Dia juga bersetuju meletakkan kawasan dari Sempang hingga Permatang Pasir di bawah pentadbiran dan kawalan British.

Langkah Dato' Kelana Syed Abdul Rahman membawa masuk British di Sungai Ujong menyemarakkan lagi persengketaan kerana ini bertentangan dengan adat. Dia sepatutnya berunding terlebih dahulu dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal sebelum menandatangani perjanjian tersebut. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman sebagai Waris Di Darat mempunyai kuasa undang-undang dan hakim. Dia berkuasa di Ampangan, Lenggeng, sebahagian Seremban dan Setul dan mendapat hasil daripada pungutan cukai hasil judi, cukai kepala dan denda mahkamah. Bagaimanapun dia masih tertakluk kepada bantuan dan nasihat Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal sebagai Waris Di Air.

Pada 24 September 1874, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman meminta Kapten Shaw memberitahu Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke, meletakkan pegawai British di Sungai Ujong. Dia juga melaporkan bahawa Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menentang hasratnya untuk mengibarkan bendera British di kediamannya dan telah mendapatkan bantuan daripada Raja Mahmud, Raja Mahadi serta pengikutnya dan orang Cina. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menjemput Dato' Syahbandar datang ke kediamannya di Ampangan untuk memberi hormat kepada upacara menaikkan bendera British tetapi ditolak. Dengan itu Dato' Kelana Syed Abdul Rahman melantik Dato' Syahbandar lain daripada suku yang sama, bergelar Dato' Syahbandar Ahmad Bukit untuk melancarkan serangan ke atas Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal.

Pada 16 November 1874, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman bersama-sama 400 orang menyerang dan menawan kubu Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal di Rahang dan Rasah. Pada hari berikutnya, angkatan Dato'



Syed Abdul Rahman

Kelana mara ke Kepayang. Apabila Raja Mahmud muncul membantu Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal, angkatan Dato' Kelana berundur. Kemudian, British membantu Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menawan semula Rasah dan Rahang. Pasukan British menghantar pasukan bantuan kepada tenteranya yang berperang di Sungai Ujong. Akhirnya pasukan British berjaya mengalahkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal dan Raja Mahmud. Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal berundur ke Sungai Ujong dan kemudian dibuang ke Singapura. British juga melantik Kapten R.N. Tatham menjadi Penolong Residen British yang pertama di Sungai Ujong.

Kekalahan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal menandakan bermulanya kuasa British di Sungai Ujong. Pada tahun 1875, pembesar Negeri Sembilan menabalkan Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman yang tidak hadir dalam mesyuarat ini digugurkan jawatannya oleh Yamtuan Antah. Sebaliknya, baginda melantik Laksamana Sungai Ujong untuk menyandang jawatan Dato' Kelana Sungai Ujong. Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir William Jervois, masih mengakui kedudukan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dan tidak mengiktiraf Yamtuan Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Negeri Sembilan.

Pada tahun 1875, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman mendakwa Terachi di bawah pentadbirannya. Terachi sebenarnya adalah salah satu daripada luak Seri Menanti yang terdiri daripada Hulu Muar, Jempol dan Gunung Pasir. Luak-luak ini di bawah pemerintah Yang Dipertuan Negeri Sembilan dan dikenal dengan panggilan 'Tanah Mengandung'. Ini mencetuskan peperangan antara Yamtuan Antah dengan pasukan British yang berkesudahan dengan kekalahan Yamtuan Antah. Yamtuan Antah berundur ke Johor dan berlindung dengan Maharaja Abu Bakar. Baginda dibenarkan pulang ke Negeri Sembilan oleh British untuk memegang jawatan Yamtuan Seri Menanti pada tahun 1887.

Pada tahun 1889, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman berangkat ke Makkah untuk menunaikan fardu haji. Dia meninggal dunia di sana.